

TARIKH	30 / 1 / 2013	SEKSYEN	Dlm Negeri
MUKA SURAT	21	RUANGAN	Dlm Negeri

## Syarat baharu Arab Saudi bagi jemaah umrah mulai tahun ini

# Wanita wajib bawa mahram

Oleh **AINUL ASNIERA AHSAN**

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 29 Jan. - Mulai tahun ini, golongan wanita yang mahu menunaikan umrah diwajibkan mempunyai mahram sendiri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, peraturan baharu itu dikeluarkan oleh kerajaan Arab Saudi.

"Saya akan meminta Lembaga Tabung Haji mengeluarkan kenyataan dan penjelasan penuh mengenai peraturan ini secepat mungkin," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis penyampaian bantuan khas awal persekolahan kepada pelajar Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMA MAIWP) di Bandar Tun Razak di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Datuk Othman Mustapha dan Pengerusi SMA MAIWP, Mohd. Abd. Aziz Mahmud.

Jelas Jamil Khir, peraturan baharu itu dibuat berdasarkan hukum Islam. "Memang kalau dahulu peratu-

ran ini hanya diwajibkan kepada jemaah haji wanita, namun kini dikuatkuasa kepada jemaah umrah.

"Ini bukan sebab keselamatan dan keselesaan sahaja tetapi memabitkan banyak perkara berkaitan semasa mengerjakan umrah," tambah beliau.

Terdahulu dalam ucapannya, Jamil Khir memberitahu, sejumlah sejuta umat Islam yang berdaftar dengan Lembaga Tabung Haji setakat ini layak menunaikan ibadat itu tahun ini.

Bagaimanapun katanya, kuota haji setakat ini masih kekal iaitu seramai 28,000 orang sahaja.

"Jadi, sesiapa yang baharu mendaftar hari ini kena tunggu 30 tahun lagi kerana Tabung Haji perlu mendahulukan senarai pendaftar awal," ujarnya.

Pun begitu kata beliau, warga emas yang berusia 75 tahun ke atas akan diberi keutamaan dan senarai menunggu bagi golongan itu sehingga hari ini adalah seramai 12,000 orang.



JAMIL Khir Baharom (dua dari kiri) menyampaikan bantuan khas awal persekolahan kepada bapa pelajar SMA MAIWP sambil diperhatikan Mohd. Abd. Aziz Mahmud (kiri) dan Othman Mustapha (dua dari kanan) di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur, semalam.